

**SOALAN NO : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 20 MAC 2014**

**SOALAN :**

**DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini The Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dan jumlah kekuatan yang dimiliki ESSCOM setakat ini. Adakah terdapat sebarang kemungkinan ancaman lain yang telah dapat dikesan oleh ESSCOM.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan ESSCOM menepati kehendak keperluan keselamatan di ESSZONE. Status terkini keselamatan di ESSZONE amat menyakinkan bukan sahaja kepada penduduk tempatan malah kepada para pelancong dari dalam dan luar negara. Setelah hampir setahun penubuhan ESSCOM, kini organisasi tersebut mempunyai kekuatan tambahan dari PDRM terdiri daripada 2 Batalion PGA (Pasukan Gerak Am) dan bagi ATM sebanyak 2 Batalion Briged ESSCOM ATM yang ditempatkan di kawasan ESSZONE. Beberapa buah kapal dan bot juga telah diletakkan dibawah kawalan operasi Bahagian Penguatkuasaan Maritim (APMM), ESSCOM. APMM juga akan menambahkan jumlah pos maritim di Pantai Timur Sabah disamping menambah aset sedia ada. Operasi dilaksanakan di daratan, maritim dan juga ruang udara.

Agensi-agensi keselamatan juga akan mempertingkatkan bilangan anggota yang akan ditempatkan di kesemua pos-pos kawalan yang terletak di sepanjang perairan pantai timur Sabah. Penambahan aset dan sumber manusia serta koordinasi yang baik diantara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan dengan ESSCOM diharap akan dapat mempertingkatkan kawalan serta pencegahan pencerobohan dan juga rompakan di sepanjang kawasan ini.

Kebarangkalian untuk berlaku pencerobohan baru seperti yang telah berlaku di Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013 adalah rendah. Namun demikian, jenayah rentas sempadan dijangka akan terus berlaku

dari semasa kesemasa. ESSCOM bertekad untuk mengurangkan jenayah rentas sempadan di ESSZONE dengan mempertingkatkan “*virtual presence and deterrence*” dan operasi penguatkuasaan.

Sekian. Terima kasih.